

CONTROLLED

DASAR PERPUSTAKAAN UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2014

4.5.2 Keselamatan Sistem Komputer/Server

a. Kawalan Capaian Fizikal

- i. Memastikan Bilik Server Bangunan Perpustakaan UTM yang menempatkan server dan sumber ICT perpustakaan berada di dalam keadaan selamat dan bebas dari risiko bahaya seperti sumber air, kilat dan sebagainya. Bilik ini hendaklah dikunci selepas waktu pejabat.
- ii. Bilik Server ini dilengkapi dengan sistem pencegahan kebakaran jenis *Clean Agent FE-13* bagi mengawal kebakaran.
- iii. Akses kepada Bilik Server dan kawasan kerja yang mengandungi maklumat sensitif atau rahsia adalah terhad. Hanya staf dan pelawat yang mempunyai kebenaran sahaja yang dibenarkan masuk.
- iv. Suhu bilik mestilah terkawal dan di dalam had suhu yang ditetapkan (18°C-22°C) untuk bilik server. Sistem penghawa dingin mestilah berasingan dari sistem penghawa dingin berpusat (split air-conditioning) kerana perlu beroperasi sepanjang masa (24 x 7).
- v. Memasang *Uninterruptible Power Supply* (UPS) untuk memberi perlindungan kepada server daripada penutupan (shutdown) tanpa jangkaan apabila berlaku gangguan bekalan elektrik.